

Surat khabar: Utusan Borneo (Sukan)

Hari/Tarikh: 20/9/2013

Muka surat: 16

Tajuk : 14 Pasukan Rebut Kejuaraan Bola Tampar Terbuka Kuching.

14 pasukan rebut kejuaraan Bola Tampar Terbuka Kuching

KUCHING: Empat belas pasukan termasuk enam wanita berentap bagi merebut kejuaraan pada Kejohanan Bola Tampar Terbuka Kuching yang memulakan saingannya semalam di Stadium Tertutup SESCO, Pending.

Pasukan lelaki yang bersaing dalam Kategori A adalah Dream Team B, CHMS No. 1 Senior, UiTM dan PJVC dalam Kumpulan A lelaki manakala Porkie's, CHMS No. 1 Junior, Unimas dan Dream Team B dalam Kumpulan B.

Wakil wanita pula menyaksikan CV's, UiTM dan Fifty dalam Kumpulan A manakala LJC Enterprise, Monavie dan UNIMAS dalam Kumpulan B.

Selain mempromosi bola tampar, kejohanan itu juga bertujuan mencungkil bakat baharu yang dapat diketengahkan ke peringkat bahagian atau kebangsaan dan menaikkan standard sukan bola tampar di Kuching.

Presiden Persatuan Bola Tampar Bahagian Kuching (KDVA) Tay Chang Seng akan merasmikan majlis penutupan kejohanan pada Ahad ini.

Peminat dan orang awam adalah dipelawa untuk menonton perlawanan tersebut.

Untuk maklumat lanjut, hubungi Pengerusi Kejohanan Andrew Ting (016-8607338) atau Setiausaha Steven Liew (016-6590388).

Disediakan oleh Lau Yat Ling
Unit Komunikasi Korporat